

05 JUL 2003

PAHANG TERUS BERI DANA KEPADA GOLONGAN KURANG UPAYA

TEMERLOH, 5 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri Pahang akan terus memberi dana kepada golongan warga tua, orang kurang upaya dan anak-anak yatim bagi membantu golongan berkenaan menjalani hidup seperti manusia normal.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata semua jawatankuasa kemajuan keselamatan kampung berperanan bagi membantu golongan ini serta bertanggungjawab menyedarkan masyarakat tentang nilai murni dalam kehidupan.

Katanya sebagai pelengkap kepada cara hidup seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nilai murni dan cara hidup yang sederhana perlu diamalkan sebagai mengingati golongan yang kurang berkemampuan.

"Penerapan nilai murni dalam kehidupan masyarakat adalah penting selain daripada amalan hidup secara sederhana," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan dana kemiskinan kepada 98 orang warga tua di Dewan Undangan Negeri (DUN) Jenderak di Sekolah Kebngsaan Kuala Krau, di sini hari ini.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan aktiviti beberapa individu yang menggunakan Persatuan Mencegah Dadah Kebangsaan (PEMADAM) untuk menjalankan kegiatan mengutip derma bagi kepentingan peribadi.

Katanya kegiatan ini berleluasa sejak bulan Mac lepas dan kini polis masih menyiasat orang yang bertanggungjawab berkenaan kes ini.

-- BERNAMA

ZY LIB ZB